

Thailand terima nasihat Abdullah

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Kerajaan Thailand akan menjadikan nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berhubung kaedah memperkukuh skop kerjasama Kuala Lumpur-Bangkok sebagai pedoman menangani konflik di wilayah selatan negara itu.

Menteri Luar Thailand, Nitya Pibulsonggram, berkata pertemuan dengan Perdana Menteri di sini, semalam, amat bermanfaat.

"Saya amat berbesar hati dengan masa diberi Abdullah kepada saya.

"Perbincangan kami amat ber-

“ Abdullah memberi banyak nasihat baik berhubung skop kerjasama dua negara pada masa depan terutama mengenai isu selatan Thailand ”

Nitya Pibulsonggram
Menteri Luar Thailand

manfaat dan Abdullah memberi banyak nasihat baik berhubung skop kerjasama dua negara pada masa depan terutama dalam memperkukuh rujukan mengenai isu selatan Thailand," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau ditemui selepas melakukan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri di pejabatnya di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) di sini, semalam.

Dalam pertemuan 40 minit itu, Nitya mendapatkan pandangan Abdullah berhubung pelbagai isu.

Nitya berkata, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri

turut memberi pandangan berhubung kerjasama dalam bidang pendidikan, sosial dan kebudayaan yang disifatkan berfaedah kepada Thailand.

"Banyak yang boleh dipelajari dan dipinjam daripada Malaysia. Negara ini menjadi jiran yang amat baik kepada Thailand," katanya.

Ditanya apakah Kerajaan Thailand mampu menangani krisis di wilayah selatan negara itu, Nitya berkata: "Kita boleh... kita semangannya boleh."

Mengenai Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand di negara itu bulan depan, beliau berkata tarikhnya akan diputuskan kelak.

BH-24/3/2007